

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' OTHMAN
BIN AZIZ [JERLUN]**

TARIKH : 3.11.2015 (SELASA)

YANG BERHORMAT DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah proaktif yang telah dijalankan bagi pelaksanaan Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia khususnya bagi membantu mengawal pengaliran Matawang Ringgit dalam negara ekoran penurunan Ringgit pada masa kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian telah menjalankan **Kempen Beli Barangan Malaysia** sejak tahun 2009. Matlamat kempen ini adalah untuk meningkatkan semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia terhadap barangan dan perkhidmatan buatan Malaysia, seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi domestik melalui peningkatan perbelanjaan tempatan (*domestic consumption*). Di samping itu, kempen ini juga membantu pengusaha tempatan memperkenalkan serta memperluas jaringan pemasaran melalui peningkatan kesedaran serta permintaan terhadap produk dan perkhidmatan buatan Malaysia yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Melalui kempen ini pelbagai strategi dan program kesedaran yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan penggunaan barangan buatan Malaysia termasuk mengadakan promosi dan kempen melalui media sosial yang berbentuk interaktif dengan pengguna. Penggunaan media cetak melalui pelbagai akhbar harian samada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak turut diperluaskan bagi mencapai pelbagai lapisan masyarakat di seluruh negara. Iklan juga turut diperluaskan melalui melalui medium pengiklanan seperti tren, bas, dan teksi bagi memberikan impak yang lebih besar kepada pengguna.

Selain itu, program seperti Ekspo Beli Barangan Malaysia juga telah diadakan di seluruh negara bagi memberi peluang kepada para usahawan tempatan memasar dan mempromosikan produk mereka kepada pengguna. Pada tahun ini, Kementerian telah melaksanakan Ekspo Beli Barangan Malaysia bersekali dengan program Sambutan

Hari Pengguna pada 23 hingga 25 Oktober 2015 yang lalu bertempat di Dataran Merdeka.

Selain dari aktiviti promosi dan pengiklanan, pihak Kementerian juga mengadakan lawatan turun padang ke premis-premis perniagaan untuk menggalakkan peniaga-peniaga meningkatkan jenis barangan buatan tempatan di dalam premis mereka serta mengadakan kempen-kempen promosi bagi barangan-barangan buatan Malaysia. Kementerian juga sering mewar-warkan dan menyeru kepada semua pengguna untuk menjadi pengguna yang patriotik dan sentiasa memilih untuk membeli barangan keluaran tempatan yang bukan sahaja berkualiti dan dijual pada harga yang berpatutan. Dengan cara ini, kita mampu mengurangkan permintaan ke atas barangan import dan meningkatkan permintaan kepada barangan buatan tempatan.